

BAHAGIAN A.

Menulis semula ayat dengan menggunakan huruf besar dan tanda baca yang betul.

1. siapakah nama guru kelas azrul

2. pegawai pelajaran daerah telah merasmikan sukan sekolah

3. murid-murid tahun 3 melati sedang menyusun meja menyapu sampah dan menceriakan kelas

4. tahniah kamu telah berjaya dalam pertandingan itu

5. tunku abdul rahman putra al-haj ialah perdana menteri malaysia yang pertama

(15 markah)

BAHAGIAN B.

Lengkapkan petikan dengan mengisi tempat kosong. Pilih jawapan yang disediakan.

menjalankan	bertugas	merupakan
tambahan	berdedikasi	berjaya
menyayangi	gembira	pedalaman
melatih		

Faridah 1. _____ sebagai guru di sebuah sekolah yang terletak di 2. _____. Jarak di antara rumahnya dengan sekolah lebih kurang 15 kilometer. Walaupun jauh, namun Cikgu Faridah tetap 3. _____ tugasnya dengan tabah dan sabar kerana beliau tahu akan tanggungjawabnya.

Di sekolah, Cikgu Faridah 4. _____ guru yang rajin dan 5. _____ dalam menjalankan tugasnya. Beliau sering menjalankan kelas 6. _____ kepada murid-murid yang lemah dalam mata pelajaran Matematik. Impian Cikgu Faridah adalah ingin melihat anak didiknya berjaya dalam pelajaran.

Cikgu Faridah juga telah 7. _____ menjadikan bilik darjahnya cantik dan bersih. Dia juga bergiat 8. _____ murid-murid dalam permainan bola jaring.

Cikgu Faridah berasa puas dan 9. _____ jika murid-muridnya berjaya dalam pelajaran dan ko-kurikulum. Semua murid 10. _____ Cikgu Faridah.

(20 markah)

BAHAGIAN C.

Melengkapkan ayat berpandukan gambar dan rangkai kata yang diberi.

1.



melukis – dinding sekolah - cantik

2.




menanam – taman sains - petang

3.




murid – pasu bunga – sekolah

4.



Nasrul – Basyirah – bilik darjah

5.



(20 markah)

BAHAGIAN D.

Susun semula perkataan supaya menjadi ayat yang betul.

1. bunga-bunga dilarang Murid-murid memetik itu.

2. bola sepak Mereka bermain sedang di padang.

3. rumah biru memenangi telah Pasukan bola pertandingan di sekolahnya tampar.

4. mengajar cara-cara Cikgu Syukri murid-murid menggunakan komputer.

5. bersara Tun Dr. Mahathir Perdana Menteri sebagai 31 Oktober pada.

(20 markah)

BAHAGIAN E.

Menyusun semula ayat-ayat mengikut urutan yang betul supaya menjadi sebuah karangan.

- Sehari sebelum sukan, murid-murid, guru-guru, dan kakitangan sekolah sibuk menghias padang,

memasang khemah, dan menghias rumah sukan masing-masing.

- Pada hari sukan, para jemputan dan murid-murid berkumpul di padang.
- Sekolah saya akan mengadakan Temasya Sukan Tahunan pada hari Sabtu, 17 Februari 2007.
- Sebulan sebelum hari sukan, murid-murid bertungkus-lumus mengadakan latihan di bawah jagaan guru sukan masing-masing.
- Temasya sukan berjalan dengan lancar dan meriah. Ramai peserta menerima hadiah. Sukan berakhir pada pukul 2.00 petang. Semua berasa sangat gembira.

(25 markah)